

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Tuesday, January 12, 2016 8:18 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: PERJUMPAAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEPA) BERSAMA AHLI KELAB KEBAJIKAN HEP BARU SESI 2015/2016



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

12 JANUARI 2016, SELASA | 2 RABIULAKHIR 1437H

Oleh: Jamaat Alhaffis Mansor

Foto: Adam Amir Hamzah



HEP ONLINE: Kelab Kebajikan HEP telah mengadakan perjumpaan bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) pada 06 Januari 2016 yang lepas. Perjumpaan ini dihadiri oleh semua Ahli Jawatankuasa Kelab Kebajikan HEP. Perjumpaan tersebut diadakan di Bilik Mesyuarat Utama HEP.

Semasa di perjumpaan tersebut, TNC HEPA telah diberikan taklimat mengenai latar belakang kelab, carta organisasi, kewangan semasa kelab, dasar kelab, perancangan aktiviti tahun 2016 dan aktiviti yang telah diadakan pada sesi yang lepas.

Dalam perjumpaan ini turut dibincangkan mengenai kebajikan kakitangan warga HEP yang perlu dibantu terutamanya kakitangan kumpulan sokongan. TNC HEPA turut memberikan pandangan dan idea dalam memastikan Kelab Kebajikan HEP bergerak dalam keadaan telus dan proaktif.

Hasrat TNC HEPA juga telah disambut baik oleh ahli Kelab Kebajikan HEP baru agar ia dapat membantu kakitangan HEP yang telah banyak berjasa dalam perkhidmatan mereka di Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Sekian.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4031

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

